



IMAGINED  
MALAYSIA

# A History of Student Activism in Malaysia

Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek  
Transcript  
December 2020



## Transcription of Interview with Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek

**Interviewer** : Zikri Rahman

**Interviewee** : Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek

**Transcribed** : 25<sup>th</sup> November 2020

**Executive Summary** :

Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (born in Kemaman, Terengganu on 10 December 1958) is a Malaysian legislator. He is the former Minister of Agriculture and Agro-based Industry in the Barisan Nasional alliance government, where he sat in Parliament as the member for Kemaman, Terengganu. He represents the United Malays National Organisation (UMNO) and was appointed for the Supreme Council of UMNO in 2009.

During his formative years, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek received his education at the Sekolah Sungai Lembing and Sekolah Datuk Abdul Razak in Seremban. In 1983, he pursued a course in economics at Universiti Malaya (UM). Throughout this period, he was elected to lead the UM Muslim Students Association (PMIUM).

In 1986, he obtained his bachelor's degree from the University of Leeds, followed by a postgraduate diploma in International Relations from Uppsala University in Sweden in 1989. That very same year, he became the Secretary of the Malaysian Social Science Association (PSSM).

Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek became a lecturer at the University Malaya's Faculty of Economics and Administration in 1990. He has also served as a Research Fellow at the Institute of Southeast Asian Studies in Singapore.

Zikri	Jadi mungkin untuk memulakan wawancara kita pada malam ini, mungkin Datuk Sri boleh berkongsi sedikit bagaimanakah latar kehidupan Datuk Sri sebelum terlibat dengan gerakan mahasiswa dan gerakan politik secara ringkasnya.
Datuk Seri Shabery	Pertamanya saya kena akulah kerana perkara ini dah terlalu lama, dia berlangsung lebih kurang hampir 40 tahun yang lepas, jadi ada banyak perkara yang saya terlupa, banyak perkara yang mungkin saya tertinggal kerana saya merasakan apa yang boleh kita bincangkan pada hari ini ialah untuk mengingatkan antara satu sama lain. Kalau saya katakan, pengalaman saya di universiti, saya terlibat awal juga sebelum masuk universiti dan semasa universiti dan selepas universiti mungkin kerana latar belakang saya yang datang daripada satu keluarga yang sangat sederhana dan sedikit sebanyak mempengaruhi cara berfikir saya kerana sebelum masuk universiti saya pernah jadi guru, pernah terlibat dengan kawan-kawan yang jadi aktiviti universiti sebelum saya masuk universiti lagi. Jadi bila masuk universiti tu sudah tentu daripada awal saya direkrut oleh kawan-kawan yang jadi aktivis mahasiswa sebelum saya masuk menjadi mahasiswa lagi. Jadi itu banyak mempengaruhi saya pada waktu tersebut. <i>Basically</i> , yang menjadi pentas yang besar ketika saya terlibat,



	<p>saya menjadi mahasiswa di Universiti Malaya. Saya menyertai Universiti Malaya dalam tahun 1980.</p> <p>Jadi aktivis mahasiswa secara formal, maknanya saya ada jawatan, kita bertanding dalam MPP di sana tahun '81, '82, dan '83. Pada waktu itu MPP juga dipanggil Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya, dan juga PMUM, dan saya juga terlibat dengan Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) selepas itu. Saya graduate tahun '83. Tempohnya tak panjang – '81, '82, '83. Jadi kalau itu pengalaman yang cukup besar dalam kehidupan saya dan sebenarnya banyak mempengaruhi kehidupan saya selepas itu juga termasuklah dari segi politik dan sebagainya.</p>
Zikri	<p>Agak menarik bila Datuk Sri berkongsi bahawa Datuk Sri sendiri dah kenal ramai dengan aktivis mahasiswa sebelum masuk kampus, dan waktu itu tak silap saya mungkin di Terengganulah ya?</p>
Datuk Seri Shabery	<p>Tak sangat di Terengganu sebab saya sudah terlibat dengan mereka di Kuala Lumpur, mereka datang ke Terengganu. Saya terlibat dengan beberapa NGO di beberapa tempat di negara kita – di KL, di Terengganu, di Perak, dan sebagainya. Jadi sudah tentu semua itu mempengaruhi saya sebab saya sudah kenal aktivis mahasiswa pada waktu tersebut.</p>
Zikri	<p>Jadi bagaimana suasana kampus ketika itu sebab kalau dilihatkan Datuk Sri sendiri terlibat awalnya ia bukan sebagai orang yang formal, kemudiannya terlibat secara formal. Jadi, bagaimana suasana universiti ketika itu, mungkin Datuk Seri boleh kongsi dari segi gerakan mahasiswanya, bagaimana gerakan universiti ketika itu menanggapi gerakan mahasiswa dan sebagainya.</p>
Datuk Seri Shabery	<p>Mungkin kalau saya boleh bahagikan tentang aktivisme mahasiswa, satunya sebelum Akta Universiti dan Kolej Universiti tahun '71, '72 dan '74. Ini perkara yang kadang-kadang saya lupa ya, 74, pindaan yang kedua. 71 ada sejarahnya ya, itu ialah <i>post-13 Mei 1970</i>. 69 kerana ada berlaku 13 Mei. 70 itu banyak sejarah politik – perubahan kepimpinan negara, Tun Razak baru mengambil alih, berlaku darurat pada waktu tersebut. Ada kecenderungan pihak pemerintah pada waktu itu untuk mengawal gerakan mahasiswa kerana mereka melihat banyak perkara dari segi faktor politik sosial dan ekonomi yang berlaku di luar sana dipengaruhi oleh gerakan mahasiswa pada waktu tersebut. Jadi sebab itu, akta pertama, akta 71 itu ada peristiwa besar kepentingan peristiwa tahun 1999, banyak perkara besar yang berlaku dalam negara kita. Kepimpinan berubah. Dari segi politik ada Barisan Nasional. Dari segi ekonomi ada penyusunan baru di bawah dasar ekonomi baru pada waktu tahun 70, dan terdapat banyak undang-undang dilakukan pada waktu itu dijustifikasikan kerana itu caranya untuk memberi kestabilan kepada negara selepas peristiwa 13 Mei 1969.</p> <p>Jadi Akta Universiti dan Kolej Universiti itu rasionalnya untuk mewujudkan satu suasana yang lebih stabil. Tapi dalam perspektif mahasiswa ialah untuk mengongkong mahasiswa pada waktu tersebut. Yang keduanya ialah tahun 74, pindaan yang kedua, tahun 74 di mana</p>



terdapat juga apa yang dikatakan kecenderungan gerakan-gerakan mahasiswa bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di Thailand, tak silap saya di Philippines, dan sebagainya besar pada waktu tersebut dan perkara yang kalau tidak silap saya mencetuskan kenapa pindaan kedua tahun 74 kerana berlakunya demonstrasi mahasiswa secara besar-besaran. Isu yang digunakan adalah kelaparan yang berlaku di Baling pada waktu tersebut.

12:43

Tetapi bagi saya, saya merasakan kerana terdapatnya satu kelompangan di dalam suara-suara alternatif kepada rakyat pada waktu itu selepas dikatakan... politik dilihat sebagai monopoli satu kuasa yang baru apabila Barisan Nasional ditubuhkan. Pergerakan pembangkang seperti parti PAS dan banyak parti lain sudah berada dalam kelompok kerajaan pada waktu tersebut. Pada waktu itu kita lihat banyak NGO yang berkembang termasuk ABIM ( Angkatan Belia Islam Malaysia) misalnya yang dia penubuhannya awal tetapi dia berada di peringkat aktivisme yang lebih tinggi semuanya pada awal tahun 70-an selepas suara-suara yang dilihat sebagai suara alternatif tidak lagi berada di luar, tetapi dalam kerajaan.

Dan satu yang boleh saya katakan satu peristiwa yang besar ialah demonstrasi mahasiswa tentang apanya katakan itu kelaparan yang berlaku di Baling pada waktu tersebut. Jadi tidak silap saya menteri pelajaran pada waktu tersebut, Tun Mahathir Mohamad mengambil langkah yang dianggap “upper-handed” untuk mengawal gerakan mahasiswa dan memperkenalkan (pada) tahun 1974 satu pindaan baru yang dianggap lebih bersifat menekan, mengongkong, dan ada kata-kata yang bersifat “draconian.” Mahasiswa tak boleh = bersama dengan mana-mana persatuan di luar, tidak boleh membuat kenyataan akhbartidak boleh mengadakan hubungan dengan parti-parti politik dan sebagainya. Banyak pindaan-pindaan yang dibuat. Selepas tahun 1974 dikatakan bahawa gerakan mahasiswa agak lembut, *tame* pada waktu tersebut. Dan ianya berlanjutan sehingga pada waktu saya dalam kepimpinan mahasiswa tersebut. Tapi sifatnya mahasiswa mereka sukar untuk ditekan kerana kita ni aktivis, kita ni ada idealism untuk melihat sesuatu yang lebih baik kepada masyarakat kita pada waktu tersebut. Kita bercakap tentang soal berlaku ketidakadilan, kita bercakap tentang soal kemiskinan, kita bercakap tentang perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan dan sebagainya. Andai kata ada yang berkata mahasiswa hanya tumpukan pada pelajaran. Kita merasakan ini sesuatu yang tidak semestinya digemari oleh mahasiswa pada waktu tersebut. Jadi sebab itu zaman saya adalah sebahagian daripada zaman postAkta Universiti dan Kolej Universiti tahun 74 yang banyak bercakap tentang atau soal yang mencari kebebasan menggunakan ruang-ruang yang semakin sempit pada waktu tersebut. Kita masing-masing rindu pada zaman sebelum itu. Rindu pada Speaker’s Corner, rindu kepada menyatakan pendirian mereka dan sebagainya tapi kita orang buat juga masa tu pun tak apa ni tak boleh nak dibedung semuanya apa yang menjadi hasrat dan yang menjiwai mahasiswa pada waktu tersebut.



Zikri	Agak menarik juga sebab macam mana Datuk Seri sudah rangkumkan bagaimana konteks politik Malaysia sebenarnya memberi kesan kepada politik kampus juga. Dan pada waktu yang sama tadi, Datuk Seri dah rangkumkan lah, maksudnya ada dua paska yang perlu kita fahami di dalam gerakan mahasiswa itu sendiri.
Datuk Seri Shabery	Ada 3 iaitu, pra-71, antara 71 dan 74 dan pasca 74.
Zikri	<p>Selepas tahun 70-an itu ada configuration of system la di peringkat nasional dan sekaligus, Datuk Seri terlibat dalam tahun 80-an jadi ada gap 10 tahun yang kita boleh lihat bagaimana kesan AUKU yang boleh dikatakan menjinakkan pergerakan mahasiswa dan sebagainya tetapi ada satu sisi yang</p> <p>mungkin lebih mungkin kita perlu dapatkan pandangan daripada diri sendiri adalah tentang ideological shift itu dalam gerakan mahasiswa kerana yang pada awalnya mungkin bersifat lebih nasionalistik, ada gerakan kiri yang aktif dalam gerakan mahasiswa, kemudian menuju ke tahun 80-an tu ada dinamik yang berbeza. Mungkin Datuk Seri boleh berkongsi tentang itu?</p>
Datuk Seri Shabery	<p>Kalau tak silap saya, tahun pra-74 yang menjadi dinamik yang besarnya antara ideologi kiri dan nasionalis. Nasionalisme pada waktu itu dikaitkan dengan mereka yang menyokong kerajaan, yang dikaitkan tentang soal bagaimana untuk menerapkan tentang ideologi yang dikehendaki oleh pihak pemerintah. Ianya tak dikembangkan dengan soal-soal yang lebih detail tapi sudah tentu ada</p> <p>keinginannya kalau kita lihat antara tahun 70-an dengan 74 ya kepimpinan negara sendiri di bawah Tun Razak pada waktu tersebut, ini mendampingi mahasiswa dan mendampingi orang muda. Terdapat banyak gerakan-gerakan belia ataupun aktivitis belia pada waktu itu dibawa masuk untuk bersama dengan kerajaan. Kalau tak silap saya, nama-nama seperti apa ni Sanusi Joned, nama seperti Suhaimi Kamaruddin, misalnya yang dibawa masuk bersama dengan kerajaan. Yang lainnya yang dilihat menjadi tunggak pada waktu tahun pra-71 sampai 74 ialah mereka yang dianggap golongan kiri misalnya kalau tak silap saya, nama-nama Hishamudin Rais misalnya, dikenali pada waktu tersebut dan mereka ini bersama dengan kawan-kawan yang menjadi ahli-ahli akademik, seperti Syed Hussein Ali, saya lupa, banyak nama-nama yang cuba mengartikulasikan pemikiran-pemikiran kiri untuk menjadi sebagai asas pada dinamika perjuangan mahasiswa pada waktu tersebut. Tetapi dalam tahun antara pasca 71-74, personaliti seperti Anwar Ibrahim misalnya</p> <p>yang dilihat terdapat <i>blend</i> nasionalisme dan juga islamisasi pada waktu tersebut, dilihat sebagai permulaan kepada memperkenalkan idealisma yang dilihat menarik kepada gerakan mahasiswa dan cukup besar mempengaruhi gerakan mahasiswa pasca Akta Universiti tahun 74. Jadi kalau kita lihat di penghujung tahun 70-an, dunia pun ada berlaku satu perubahan besar misalnya... dulunya dinamika dunia ini terbahagi kepada dua blok utama; blok timur dan barat. East and west. Western block yang dilihat capitalism, dan Eastern block yang dikaitkan dengan socialism. Pada waktu itu, Soviet Union cuba mengembangkan ideologinya, China juga cuba mengembangkan ideologinya. Bloknnya</p>



antara kanan dan kiri dikaitkan dengan western capitalism, dengan blok-blok socialist communist pada waktu tersebut. Itu banyak berlaku dalam tahun 70-an. Ini adalah merupakan post-colonial period yang juga turut mempengaruhi pemikiran mahasiswa, Darah Muda pada waktu tersebut. Tapi di akhir tahun 70-an, kita melihat dunia telah muncul satu pemikiran baru.

Misalnya revolusi Islam di Iran, kalau tak silap saya tahun 79, memberi satu gambaran baru kerana revolusi Islam di Iran itu dilihat mencabar dua blok utama. Pada waktu itu, revolusi itu menentang kerajaan Shah Iran yang dikatakan disokong oleh Amerika, tapi pada waktu sama Amerika dilihat memainkan peranan yang besar dalam politik di timur tengah dan ini juga merupakan perkara yang cukup mencorakkan sentimen orang muda termasuk mahasiswa yang pasti tidak senang dengan position Amerika pada waktu tersebut. Apa saja yang dilihat bertentangan dengan pemikiran yang menyebelahi Amerika dilihat popular di kalangan mahasiswa.

Kalau dahulunya block sosialis dianggap sebagai satu alternatif, tiba-tiba dalam tahun 70-an, akhir 70-an, 79, revolusi Islam di Iran... kitalihat perkembangan Rusia sekitar masa yang sama, cuba menakluki Afghanistan dan gerakan Islam dikatakan begitu bertenaga sekali untuk melihat apa yang dibuat oleh Amerika dalam konteks Iran, apa yang dibuat oleh Rusia dalam konteks di Afghanistan, kesemuanya dilihat satu kebangkitan baru untuk menentang dua blok ini. Dan sebab itu, tahun 79, tahun 80, awal 80-an dan sebagainya turut mempengaruhi ideologi mahasiswa adalah tentang Islamism yang bercakap Islam bukan soal ibadat, bukan soal puasa, sembahyang dan sebagainya, ia membawa dimensi politik yang lebih dinamik pada waktu itu. Dan sedikit sebanyak ia memberi satu dimensi baru dalam perkembangan politik di negara. Kalau kita lihat sebagai contohnya

25:41

PAS dikatakan sebuah parti yang membawa ideologi Islam tapi menyertai Barisan Nasional dalam tahun 70, 70-an dan pertama kali mereka bertanding atas tiket Barisan Nasional pada tahun 74. Dan dia beri ruang, dia beri kelompangan dalam kumpulan yang boleh menjadi suara alternatif pada waktu tersebut. Tetapi PAS keluar daripada Barisan Nasional tahun 77.

26:21

Dan tahun 78, dia cuba memberi satu nafas baru dalam perjuangan PAS dengan mengartikulasikan Islam bukan bersifat nasionalism tetapi Islam dalam bentuk suatu, dipanggil kebangkitan yang menyebut Islam sebagai satu cara hidup, yang merangkumi soal ekonomi politik, sosial dan sebagainya. Yang lebih luas. Jadi itu berlaku dengan serentak, tahun 77, 78, 79, 80 dan sebagainya. Ini juga yang menjadi faktor kepada bagaimana Islamisasi merupakan satu idealogi adalah penting, yang boleh dikatakan mendominasi banyak gerakan mahasiswa pada waktu tersebut sehinggalah dikatakan banyak persatuan-persatuan



	<p>mahasiswa di universiti dipengaruhi kawan-kawan yang mempunyai sokongan kuat pada gerakan Islam dalam negara dan luar negara.</p>
Zikri	<p>Konteks yang sangat penting untuk memahami pembentukan gerakan aktivis di Malaysia ketika itu. Secara tak langsung, saya cuba untuk memahami lebih lanjut, sebentar tadi Datuk Seri ada bagitahu yang gerakan kiri adalah cara untuk mereka articulate pandangan sebagai basis kepada gerakan aktif waktu itu, kemudian digantikan oleh Islamismah yang saya fahami dari perkongsian oleh Datuk Seri tadi. Tapi pada waktu sama, kita dapat lihat di dalam Malaysia, kita mengalami fasa, apa yang kita kata “developmental stage” dimana dasar-dasar pembangunan juga diterapkan, juga dibuka jalannya oleh pemerintah dengan lebih ramai pelajar-pelajar dari luar bandar dan sebagainya dapat memasuki universiti ketika itu. Bagaimana idea negara pembangunan ketika itu mempengaruhi gerakan mahasiswa juga? Sebab kita membayangkan mahasiswa perlu masuk university, belajar dan menjadi tenaga kerja yang profesional dan sebagainya. Adakah dia turut mempengaruhi logik ataupun basis dinamik gerakan mahasiswa ketika itu?</p>
Datuk Seri Shabery	<p>Kalau tak silap saya, pertembungan itu ada. Pihak yang didorong oleh pihak kerajaan ialah untuk mengartikulasikan supaya mahasiswa menjadi penggerak yang penting untuk menyokong usaha-usaha kerajaan pada waktu itu dalam membangunkan negara kerana tahun 74, ada dua perkara yang besar, tahun 70-an kerajaan baru diperkenalkan. Tahun 73, 74, Barisan Nasional ditubuhkan. Disitu ada dua aspek penting: ekonomi dasar baru dan politik dengan adanya Barisan Nasional dia ada quid pro quo dia.</p> <p>Dari segi ekonominya mengajak boleh menerima ideologi-ideologi yang bersifat cuba untuk memperkenalkan affirmative action pada waktu tersebut memberikan ruang yang besar kepada masyarakat Melayu, bumiputera dan sebagainya. Dan dalam masa yang sama, memberikan platform yang lebih luas kepada pelbagai parti politik, kepentingan-kepentingan politik untuk bersama dengan kerajaan melalui Barisan Nasional. Daripada 3 parti, kepada 13 parti untuk menjadi sebahagian daripada kerajaan itu adalah merupakan satu proses tawar-menawar antara ekonomi dan politik pada waktu tersebut. Tetapi dalam ingatan saya ialah pada waktu tersebut ianya pendekatan yang cuba dibuat oleh kerajaan yang tidak</p> <p>31:20  begitu mampu untuk meresap ke bawah kalau dilihatkan. Ada mahasiswa yang menerima perkara ini, tetapi ianya tidak mendominasi dikalangan pemimpin-pemimpin mahasiswa pada waktu tersebut. Artikulasinya ialah, ya, kita setuju dengan pembangunan, tetapi pembangunan mesti bersifat adil. Berlakunya ketidakadilan, mahasiswa akan rasa tidak senang. Misalnya dalam tempoh 80-an adanya ideologi yang mengatakan Islam adalah alternatif</p>



	<p>ataupun Islam adalah penyelesaian lebih baik kepada masyarakat berbilang kaum kerana isu ethnicity ada isu yang besar pada waktu tersebut. Ethnicity yang dikaitkan dengan soal satu dasar yang mengukuhkan satu kaum dan ada pandangan-pandangan yang mengatakan bahawa kaedah-kaedah Islam yang tidak bersifat assobiyah, tidak bersifat perkauman dan sebagainya perlu diartikulasikan dalam penyelesaian masyarakat kita. Jadi itu perkara yang menjadi asas debat di kalangan mahasiswa dan penggerak-penggerak mahasiswa pada waktu tersebut.</p>
Zikri	<p>Agak menarik itu yang menjadi asas debat. Mungkin Datuk Seri boleh berkongsi sedikit kalau ada konferensi yang berkaitan dengan hal itu yang mungkin Datuk Seri boleh ingat? Ada aktiviti suasana dalam kampus yang melibatkan apa-apa perbincangan yang cukup hangat lah diantara pensyarahnya dan mahasiswa, misalnya kalau ada?</p>
Datuk Seri Shabery	<p>33:22          Kita banyak adakan forum di dalam atau di luar kampus pada waktu tersebut. Misalnya saya katakan antara orang yang banyak mempengaruhi mahasiswa pada masa itu, Anwar Ibrahim. Lepas tu Anwar Ibrahim lah, tak panggil Datuk Seri ehKalau saya katakan dialah antara orang yang awal yang bercakap tentang dimensi gerakan Islam seluruh dunia. Apa yang berlaku di Iran, apa yang berlaku di timur tengah dan sebagainya, dan kemudiannya membawa pemikiran-pemikiran, apa yang disebutkan intelektual Islam, pada waktu tersebut daripada Timur Tengah, Pakistan, gerakan seperti Jemaah Islamiyah di Pakistan dan sebagainya. Yang diartikulasikan dalam konteks masyarakat di Malaysia yang pada waktu tersebut. Jadi ini antara perkara yang mendominasi forum-forum pada waktu tersebut.</p> <p>Dan saya ingat kita anjurkan banyak sekali forum termasuk wakil daripada parti-parti politik. Kalau saya katakan, Kit Siang masuk kampus. Pada waktu itu, Tan Seng Giaw antara orang paling berani. Setiap kali dijemput, dia tak pernah tolak. Mereka daripada ABIM, PAS dan sebagainya antara mereka yang kerap datang ke kampus pada waktu tersebut. Walaupun kita ada sekatan dari Akta Universiti dan University foundation, tetapi ini tidak menghalang untuk gerakan mahasiswa mengundang mereka dan setiap kali forum diadakan, dewan-dewan kuliah besar, Dewan Tunku Canselor UKM, penuh dengan orang.</p> <p>35:45          dan percambahan pemikiran itu banyak berlaku ketika itu.</p>
Zikri	<p>35:52          Berbalik kepada persoalan awal tadi tentang fasa pembangunan di dalam negara, seiring dengan polisi-polisi berkaitan pun kita dapat lihat lebih banyak Universiti turut dibuka tahun itu. Di tahun 80-an mungkin kita ada USM, kita ada UKM dan sebagainya. Bagaimana dinamik gerakan aktivis misalannya Datuk base di Universiti Malaya ketika itu. Bagaimana dengan kerjasama dengan gerakan aktivisme mahasiswa yang dengan berbezakan penyelesaian?</p>





Shabery	<p>Kita tidak dibenarkan mengadakan hubungan yang rasmi tapi kami sentiasa bertemu antara pemimpin mahasiswa daripada UKM, daripada UPM, dan sebagainya. Dan kalau saya katakan, comrade-ship kita pada waktu tersebut dibina sehingga sekarang. Sebahagian daripada kawan-kawan saya yang jadi aktivitis mahasiswa di UM pada waktu tersebut berada dalam politik pada hari ini, dan kami saling memahami antara satu sama lain, misalnya kalau saya sebutkan Menteri Komunikasi, Dato Saifuddin Abdullah ataupun kawan-kawan daripada PKR, Saifuddin Nasution, Husam, (...) semua boleh katakan... Takiyuddin Hassan... merupakan kontemporari pada waktu tersebut.</p> <p>Yang sekarang ini berada dalam kerajaan di luar kerajaan tapi menjadi sebahagian daripada aktivitis masyarakat sehingga sekarang. Ada yang masih membawa ideologi, ada yang menyesuaikan keadaan.</p> <p>But naturally, kita semua adalah aktivitis pada waktu tersebut dan kita saling berhubung antara satu sama lain walaupun secara umumnya tidak ada pada waktu itulah.</p>
Zikri	<p>Datuk ada kongsi tentang betapa hangatnya, vibrannya di dalam kampus itu ya, sebab ada perbincangan dan sebagainya. Bagaimana pula dengan penerbitan penulisan kerja-kerja penterjemahan untuk merencanakan lagi wacana yang berlaku ketika itu? Mungkin Dato sendiri, saya pernahlah ada baca yang satu terjemahan Ali Shariati Haji? Saya tak sempat tengok di muka depan itu.</p>
Datuk Seri Shabery	<p>Pemikiran Ali Shariati masa itu banyak juga mempengaruhi kepada kita yang melihat pendekatan Islam itu dari segi</p> <p>hal-hal macam mana Islam melihat perkara yang berkaitan dengan soal masyarakat berkelas misalnya. Ini pemikiran-pemikiran yang ada pada waktu tersebut. Terdapat banyak pemikiran-pemikiran pada tokoh-tokoh cendekiawan daripada Indonesia misalnya yang kurang difahami di sini. Kita buat Alif bahasa yang supaya mudah difahami dalam konteks sahabat di Malaysia. Saya rasa sama ada secara formalnya kita bantu membuatkan terjemahan ataupun menjadi asas untuk kita berbincang ya melalui pelbagai study group dan sebagainya. Itu adalah perkara yang sering diadakan dari masa ke semasa semasa kita jadi aktivis mahasiswa pada waktu tersebut.</p>
Zikri	<p>Kita boleh lihat macam mahasiswa ini mengedepankan wacana dan mengusulkan wacana-wacana baru untuk konteks di Malaysia.</p>
Datuk Seri Shabery	<p>Tapi pada waktu itu tak ada sosial media. Jadi kita lebih suka buat perjumpaan secara fizikal, ada forum, ada seminar, ada kursus-kursus yang kita adakan bukan saja dalam retreat. Diadakan dalam kampus, luar kampus. Yang masih diperkenalkan, projek projek khidmat masyarakat, bukan sahaja kita duduk sana duduk masyarakat jadi anak angkat sebagainya. Itu kita menartikulasikan pemikiran-pemikiran yang kita anggap progresif pada waktu tersebut</p>



Zikri	<p>Jadi ada ekosistem lah yang membenarkan itu di peringkat gerakan mahasiswa dan Universiti seperti apa? Seperti yang dikongsi oleh Datuk Seri tadi memang Datuk Seri sering terlibat dan waktu itu sudah ada AUKU dan sebagainya. Bagaimana mahasiswa ketika itu nak negotiate walaupun kita tahu dia menekan dan sebagainya tetapi tetap ada ruang-ruang di mana kemungkinan untuk penglibatan politik yang lebih luas. Ya, bagaimana?</p>
Datuk Seri Shabery	<p>Kita selalu cakap, apa pun undang-undang, dia ada loophole dia. Dia ada ruang-ruang yang ada. Kita bergerak dalam konteks ruang yang ada pada waktu tersebut. Dan secara formal misalnya, kita tidak boleh mengadakan hubungan secara formal dengan mana-mana persatuan gerakan parti politik di luar tapi secara informalsukar untuk siapa menghalang kita. Misalnya pada waktu tersebut, gerakan selain pada ABIM, Suaram, Aliran, Insan, pada waktu itu mula muncul, gerakan-gerakan NGO di luar. Misalnya CAP, (Consumer Association of Penang), dia membawa idealisma-idealisma yang tertentu yang secara informalnya mengadakan hubungan yang cukup baik dengan mereka dan kita mengenali mereka pada waktu tersebut. Dan turut mempengaruhi cara kita mengatur gerakan kita. Saya ingat pada waktu tersebut,</p> <p>42:50</p> <p>Idea konsumerisma baru diperkenalkan. Dan aktivis konsumerisma ialah daripada Consumer Assession of Penang (CAP). Mereka adalah orang yang mempengaruhi dan kita mengadakan biro-biro konsumer misalnya sebab consumerism was something which was very very foreign. Perkara yang di luar daripada pemikiran mahasiswa pada waktu tersebut. Di mana konsumer ada hak dia supaya tak ditipu, supaya dapatkan barang itu lebih baik. Kenapa kita perlu membayar lebih yang teknologinya kecil? Jadi ini antara perkara akan teruskan hubungan kita dengan luar pada waktu tersebut walaupun secara formalnya tak ada, tapi kita adakan hubungan itu.</p>
Zikri	<p>Bila Datuk Seri berkongsi tentang NGO sebagai asas, kita boleh lihat pada pergerakan semata-mata dalam kampus, yang biasa ditunjangi oleh parti politik dan kemudian, kita boleh lihat dia menuju ke arah NGO misalannya. Kita boleh lihat perubahan bentuk perkhidmatan mahasiswa secara tidak langsung dalam hal itu.</p> <p>Tadi saya boleh ulang ya, seperti yang dikongsikan oleh Datuk Seri, kita boleh lihat pada perubahan bentuk penglibatan lah oleh mahasiswa sendiri di mana gerakan yang hanya berada di dalam Universiti kemudian sudah menuju ke arah proses NGO misalannya, di mana mahasiswa terlibat secara langsung atau tidak langsung dan sebagainya. Tetapi mungkin boleh Datuk Seri kongsi adalah apakah wujud kesinambungan tentang isu tentang wacana daripada gerakan mahasiswa sebelum Datuk Seri dan selepas Datuk Seri? Adakah wujud itu macam apa yang kita panggil sebagai kesinambungan ada continuation ada apa yang Datuk Seri belajar daripada generasi yang</p>



	terdahulu, dan kemudian, apa yang disambung oleh mahasiswa kedepannya?
Datuk Seri Shabery	<p>Kalau mahasiswa, ya saya dapat ikutlah trend sebentar kerana saya sendiri selepas tamat pengajian tahun 83 ya, saya sendiri, kerana saya berada dalam kampus lagi. Saya jadi tutor, melanjutkan pelajaran, balik ke kampus, jadi pensyarah, saya stay dengan dia orang tu sehinggalah tahun 1990. Jadi kiranya ada masa gap itu, tahun 83 sehingga tahun 90, saya bersama mahasiswa.</p> <p>Saya katakan bahawa kesinambungan tu ada dan masih banyak didominasi oleh pemikiran-pemikiran Islam sehingga tahun 90-an hingga awal pertengahan tahun 90-an dianggap antara perkara yang cukup besar mendominasi pemikiran-pemikiran mahasiswa pada waktu itu. Tapi sudah tentu kalau kita lihat tahun berkenaan, Islam berada di mana-mana, pemikiran Islam, baik di dalam kerajaan atau di luar kerajaan. Ada yang dilihat yang kuat misalnya daripada kalangan pendokong PAS ataupun NGOs. NGOs cukup kuat pada waktu itu. NGOs Islam banyak ya.</p> <p>Kalau saya sebutkan ABIM, PKPIM (Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia), ada arkam, misalnya kuat pada waktu tersebut dan gerakan tabligh sebagainya cukup mempengaruhi hubungan dalam dan luar kampus. Dengan kemasukan Anwar dalam kerajaan jadi dalam UMNO hinggalah ini dapat mempengaruhi corak pemikiran dan gaya kepimpinan yang ada dalam UMNO sendiri pada waktu tahun 90-an dan selepas itu yang pada waktu tersebut. Jadi ini perkara yang saling berhubungan antara satu sama lain. Kalau saya katakan selain daripada soal Islam yang disebutkan tentang NGOs dibawa dengan pemikiran baru. Kemudiannya, cara bagaimana untuk mengembangkan pemikiran masyarakat yang maju itu ialah mengiktirafkan kumpulan sivil ataupun civil society yang lebih besar. Dan ada istilah Islamnya, masa tu 'Islam Madani' dikatakan. Tamadun Islam itu telah membenarkan ruang yang lebih banyak, bukan sahaja akta-akta kerajaan, bukan kerajaan parti politik, tetapi juga konsep pluralism dalam konteks pada waktu itu,</p>
	sesuatu keputusan kerajaan itu sendiri mestilah mendengar pandangan-pandangan daripada pelbagai pihak. Jadi soal gerakan masyarakat Sivil ataupun civil society itu menjadi satu perkara yang dianggap penting dalam gerakan-gerakan massa tahun bukan saja 80-an, 90-an dan sehingga tahun 2000.
Zikri	Berlanjutan daripada perkongsian dari Datuk Seri itu, bagaimana Datuk Seri melihat latihan, sebab ada gap 20 tahun lah di dalam lingkungan di universiti Dato sendiri terlibat secara langsung sebagai mahasiswa, sebagai teanaga pengajar dan sebagainya. Dan kita boleh lihat ada beberapa pindaan yang dilakukan pada tahun 74, pindaan terhadap AUKU itu semakin menekan. Sekarang ini, pindaan yang terakhir pada tahun 2011 yang membenarkan akhirnya membenarkan parti politik untuk membuka cawangan mereka di dalam Universiti. Jadi daripada tanggapan Dato, bagaimana AUKU terpaksa untuk mencebap perubahan



	dalam masyarakat sendiri dan akhirnya adakah AUKU itu perlu difikirkan semula ataupun bagaimana?
Datuk Seri Shabery	<p>Gerakan untuk mengkaji balik, review AUKU ni dah lama. Saya ingat 2008 sudah dimulakan. 2012 satu pindaan yang besar di mana mahasiswa dibenarkan untuk menyertai politik dan pada waktu tersebut debat yang besar, sama ada parti politik boleh membuka cawangan mereka dalam kampus ataupun hanya mahasiswa boleh menyertai mana-mana parti politik. Dan tahun 2012 adalah merupakan titik yang besar. Pada waktu itu saya berada dalam kerajaan di mana kita berbahas panjang lebar, dan saya rasakan ramai di kalangan aktivis mahasiswa yang menyertai kerajaan pada waktu tersebut merasakan itu adalah satu progress ataupun pencapaian yang besar.</p> <p>Kerana kita selalu sebut ya, antara orang yang paling banyak menentang AUKU adalah orang seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim. Tetapi sepanjang beliau berada dalam kerajaan, AUKU tak disentuh. Mungkin kerana pada waktu itu orang yang kuat memperkenalkan AUKU adalah Tun Mahathir, orang yang begitu komited dan kita tak berani untuk menyentuh apa yang didorong oleh Tun Mahathir. Tapi selepas ketiadaan Tun Mahathir, banyak perkara yang dianggap terlalu draconian, undang-undang yang terlalu draconian. Mesti dilihat dalam konteks yang luas, AUKU, ISA, ada beberapa akta yang dikatakan. Ada yang dimansuhkan, ada yang diberi satu pindaan atau diberi kelonggaran yang besar pada waktu tersebut kerana apa yang disebutkan institutional reform</p> <p>52:38 sudah mula diperkenalkan dalam tahun selepas 2008, 2012 dan sebagainya. Ini antara perkara yang berlaku selepas itu. Kita mahukan ruang kebebasan yang lebih luas misalnya, dulu kerajaan dilihat mengongkong dari segi kebebasan akhbar. Tiada ruang. Saya ingat saya jadi Menteri Penerangan, saya menggalakkan debat untuk diadakan. Saya meminta supaya perbincangan di parlimen itu disiarkan 'live'. Sekarang kita boleh saksikan. Itu bukan kerana satu perkara yang secara begitu sahaja tapi untuk melihat perbincangan di parlimen live tu ada infranya, kameranya berapa, macam mana nak dapat feednya, nak dipancarkan bagaimana. Sekarang mudah lah, boleh ambil 'live' Facebook.</p> <p>Tapi tak mungkin kita dapat lihat tanpa sokongan sistem yang ada parlimen dan penyiar rasmi kerajaan. Dan ini dikatakan hasil, saya katakan ia hasil kerana ini adalah idealisma kami dulu, Waktu kami di kampus dulu, kita katakan kerajaan ini terlalu mengongkong. Dan bila kita berada dalam kerajaan, kita membukanya dan kita sama memperjuangkan. Bukan saya di Kementerian Pengajian Tinggi, tetapi kita tekankan perkara ini. Saya ingat Menteri Pengajian Tinggi waktu itu waktu Datuk Khalid Nordin sudah jadi menteri sebab tu dia benar-benar dapat direalisasikan</p> <p>54:38</p>



	<p>awal pindaan yang pertama tahun 2012. Saya sebutkan tadi tentang kebebasan media dan sebagainya. Antara perkara-perkara yang kita ingin melihat apa yang kita perjuangkan dahulu dapat dilaksanakan, diberikan kelonggaran bila kita berada dalam kerajaan. Jadi ini banyak mempengaruhi watak-watak kita bila kita berada dalam kerajaan kerana aktivisme kita semasa berada di alam kemah siswa dulu.</p>
Zikri	<p>Menarik perkongsian Datuk Seri tadi misalannya sebab, Datuk Seri sendiri terlibat dalam dua-dua daerah kalau kita boleh katakana, iaitu mereka yang terlibat dalam mahasiswa, yang cukup gental melawan dan sebagainya, tetapi kemudian diberi peluang untuk mentadbir dan di situ kita dalam melihat bagaimana penting institusi untuk meluruskan jalan atau membuka jalan ke arah reform itu.</p>
Datuk Seri Shabery	<p>Mungkin tak semua dapat kita buat tetapi sebahagian yang telah kita buat kerana kita percaya banyak perkara yang perlu diperbetulkan sewaktu kita boleh memperbetulkannya.</p>
Zikri	<p>Jadi untuk penghabisan wawancara kita ini pada malam ini, mungkin Datuk Seri boleh berkongsi sedikit lah sebab kita melihat dinamika yang berubah daripada awal itu mahasiswa juruacara masyarakat dan sebagainya yang dikongsi oleh Datuk Seri tadi dimana mahasiswa itu boleh mengedepankan wacana baru, bagaimana kita dapat melihat idea daripada nasionalisma, idea kiri itu, kemudian idea Islamism. Idea itu dikedepandkan dan menjadi basis kepada reform itu sendiri. Jadi mungkin Datuk Seri boleh berkongsi pandangan lah tentang mahasiswa sekarang ini sepatutnya menjadi seperti apa? Apakah variabelnya ataupun apa yang konsisten dalam gerakan mahasiswa supaya kita sebagai sebuah masyarakat di Malaysia ini dapat menjadi lebih baik?</p>
Datuk Seri Shabery	<p>Sebenarnya, daripada dulu sampai sekarang, kami orang concerned tentang pemikiran mahasiswa. Pada waktu itu, dalam konteks waktu itu, misalnya kita nampak soal ketidakanggupan, ketidakaksamaan di depan mata kita. Di Universiti Malaya, di luar ketika itu Kampung Kerinchi, masyarakat setinggan satu bukit yang terlihat apa yang dipanggil Bangsar South sekarang.</p> <p>lalah merupakan kawasan setinggan. Kawasan ‘pumah’ kata orang Indonesia, yang serba kekurangan, yang memperlihatkan rumah yang tak teratur, orang miskin, jenayah, pelajar yang tercicir. Ya semua ada di situ. Kita menyuarakannya dan kita terlibat buat mengajar, buat tuisyen, belajar dekat waktu-waktu... biasa kita belajar di dalam kampus waktu weekend. Kita pergi tolong mengajar di sana. Kita mencari kerja-kerja yang boleh membantu kerana ia berada depan mata kita pada waktu tersebut. Kita menyuarakan daripada masa ke semasa perkara yang bersifat isu-isu semasa yang berkaitan dengan soal... yang dikaitkan dengan soal kemasyarakatan.</p> <p>Sekarang ini sebenarnya orang mengharap suara mahasiswa dari segi blok itu. Blok akademia itu sendiri.</p>



Misalnya, kalau saya katakan apakah cabaran semasa yang terpaksa dihadapi oleh rakyat negara kita dan rakyat dunia tentang waktu COVID?

Apakah cabaran-cabaran kesihatan, cabaran sosial, cabaran pekerjaan, cabaran ekonomi, yang memerlukan pandangan-pandangan daripada golongan intelektual, golongan-golongan intelligencia, kalangan mahasiswa dalam university? Kita nak dengar suara mereka supaya... betul, saya orang politik. Kita rasakan bahawa kita nak mendominasi debat dalam masyarakat kita.

Tetapi kita katakan orang politik mendominasi debat ataupun debatan kerana terdapat kelompangan di kalangan masyarakat yang dikatakan sepatutnya memenuhi ruang tersebut supaya sama banyak. Orang politik, politiklah sebab bila saya design, saya katakan, supaya perbahasan di parlimen itu live.

Saya ingat tak semua orang, waktu saya perkenalkan tu, tak semua kawan-kawan saya setuju, tapi saya kata kita kena buat sebab pada satu masa nanti, ini adalah future. Orang tak baca surat khabar dah, tak tengok TV, tak bergantung pada laporan parlimen daripada setengah jam lepas berita. TV misalnya, orang nak tengok live sebab dunia pemberitaan sekarang, bukan kata lambat lima minit, lambat satu hari, lambat berapa jam, tapi orang nak lihat sesuatu itu bersifat real time pada waktu itu. Mesti live. Orang nak tengok bola, nak tengok live. Tak sukalah tengok recording. Orang nak tengok bukan saja apa yang berlaku dalam parlimen saja, orang nak tengok perbahasan live.

Waktu itu, it was a tough decision untuk kita memujuk pemerintah sebab pemerintah sebelum daripada ini selesa, kalau mereka ada monopoli dari segi media, dari segi pemerintahan dan mentafsirkan apa-apa yang dia mahu dirasakan mesti tafsirannya mengikut kata-kata dia. Tapi saya katakan, satu: dunia baru. Bila dunia Internet, dunia social media, kalau kita terlalu mendominasi, orang akan cari alternatif-alternatif yang lain dengan sendirinya. Perkara itu tidak boleh dielakkan.

Tetapi pada waktu sekarang, masih lagi melihat yang kontrol debat perbahasan di kalangan orang politik.

Kita nak tengok artikulasi itu datang daripada Professor. Bagaimana berhadapan dengan masalah ekonomi sekarang, masalah perkerjaan, masalah kekangan-kekangan serba serbi? Seperti waktu pandemik yang kita hadapi, cabaran dalam negara dan sebagainya mesti datang daripada bukan sahaja suara orang politik, tetapi suara orang akademik, suara mahasiswa. Jadi ini juga kita mengharapkan ini berlaku. Form dia boleh macam-macam, seperti Instagram, cara TikTok ke. Itu cara orang sekarang, tapi kita nak mereka menyuarakan rintihan rakyat, perasaan rakyat. Idealisma yang dikatakan pro- rakyat dalam kaedah mereka sendiri. Ini juga saya katakana, kalau konten itu mudah, guna telefon boleh buat konten dalam bentuk grafik, dalam bentuk drama, dalam bentuk nyanyian, dalam bentuk TikTok dan sebagainya. Ini dunia baru yang dimiliki oleh orang muda. Kita juga mengharapkan ianya dapat



	<p>diartikulasikan daripada suara kampus tadi, suara mahasiswa. Dan sepatutnya mereka lebih, katanya apa ni pindaan sudah dibuat tahun 2012. Pindaan lagi dibuat tahun 2019 di mana kebebasan itu boleh dikatakan sebeb-bebasnya, tidak ada penghalangan.</p> <p>1:03:31 Dulu kita boleh dibuang. Di universiti kalau kita terlalu bersifat lantang menyuarakan sokongan kepada mana-mana pihak dan sebagainya, selalu kita boleh dibuang. Sekarang ini selalu katakana, bila ada halangan bukan bermakna orang memanfaatkan kebebasan itu untuk memberikan padah kepada golongan mahasiswa ini dapat dilaksanakan dengan penonjolan yang lebih besar lagi dan ini yang menjadi harapan kita.</p>
Zikri	<p>Kita dapat lihat bagaimana perubahan, means of communications itu berubah dari zaman ke zaman itu tadi, mungkin dari surat khabar dan mungkin dari parlimen yang dibuka secara live dan sebagainya. Jadi kita dapat lihat dinamika, means of communications itu tadi. Mungkin setakat ini dulu wawancara kita bersama. Dan saya dari pihak Imagined Malaysia sangat menghargai peluang ini, dapat mewawancara terus dengan Datuk Seri.</p>

